



PERSATUAN BANK BANK DALAM MALAYSIA
THE ASSOCIATION OF BANKS IN MALAYSIA

Headline: Duit Tabung Haji RM143,200 lesap
Publication/Portal: Utusan Malaysia
Date: 15 September 2022

Language: Malay
Section: Dalam Negeri
Page: 32

Duit Tabung Haji RM143,200 lesap


KANGAR: Kepeyahan seorang wanita warga emas menyimpan wang selama bertahun-tahun lesap dalam waktu yang singkat setelah diperdaya Macau Scam baru-baru ini.

Pesara swasta berusia 65 tahun itu kehilangan RM143,200 daripada simpanan Tabung Haji dan juga simpanan peribadinya.

Ekoran itu, mangsa yang merupakan seorang pesara swasta berusia 65 tahun membuat laporan di Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Kangar, semalam.

Ketua Polis Daerah Kangar, Asisten Komisioner Yusharifuddin Mohd. Yusop berkata, mangsa pada mulanya mendapat panggilan telefon daripada individu yang mendakwa dirinya sebagai pegawai polis dari Kedah.

"Suspek melakukan panggilan telefon menggunakan talian



YUSHARIFUDDIN MOHD. YUSOP

014-9995942 dan 017-3385220 dan menyatakan mangsa terlibat dalam kes pengubahan wang haram. Suspek kemudian meminta maklumat Bank Islam serta maklumat kad perbankan institusi

keuangan tersebut serta Tabung Haji mangsa untuk siasatan.

"Mangsa kemudian menyerahkan nombor kod perbankan kepada suspek sebelum individu terbabit mengeluarkan wang simpanan ibu tunggal itu tanpa pengetahuannya," katanya dalam satu kenyataan di sini semalam.

Tambah Yusharifuddin, sebanyak lapan kali pengeluaran dilakukan oleh suspek dengan nilai kerugian berjumlah RM143,200 dan mangsa yang juga balu mudah dipengaruhi kerana tinggal bersendirian.

Katanya, mangsa juga diberikan amaran oleh suspek agar tidak memberitahu mana-mana pihak jika mahu menyelesaikan masalah tersebut.

"Mangsa yang diperdaya itu merahsiakan perkara tersebut daripada pengetahuan ahli kelu-

arga dan berurusan dengan suspek antara 5 hingga 12 September lalu sebelum membuat laporan di Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Kangar semalam.

"Polis menasihatkan orang ramai agar tidak mudah panik dan percaya sekiranya menerima panggilan telefon daripada orang yang tidak dikenali yang meminta maklumat perbankan.

"Orang ramai perlu mendapatkan pengesahan di balai polis atau mana-mana bank terdekat sebelum melakukan apa-apa transaksi yang diarahkan melalui panggilan telefon tersebut," jelasnya.

Katanya lagi, orang ramai juga boleh membuat semakan menerusi perkhidmatan disediakan Bahagian Siasatan Jenayah Komersial Bukit Aman CCID Response Center di talian 03-26101559.